

15/02/1998

Harga barang masih terkawal

BUKIT BERUNTUNG: Harga barang keperluan di negara ini masih terkawal dan kenaikannya cuma pada kadar minimum.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata setakat ini, tidak ada pengguna marah sehingga memecahkan kedai untuk mengambil barang keperluan, kecuali merungut dengan menulis di akhbar.

Malah, menurut Dr Mahathir, ramai pelawat dan diplomat asing kagum dengan keadaan ekonomi negara.

"Pengguna perlu bersabar, bertenang dan tidak marah dengan kenaikan harga barangan kerana ia (kenaikan barangan) bukan disebabkan oleh kita.

"Apabila orang asing menjatuhkan nilai ringgit kita, harga barangan yang diimport tentu naik," katanya selepas menghadiri jamuan hari raya dan melawat Taman Bunga Raya yang dimajukan syarikat Medan Prestasi Sdn Bhd di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Emkay, Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menasihatkan peniaga supaya tidak menaikkan harga barangan import dengan mendadak sehingga melebihi peratus kejatuhan nilai ringgit.

Perdana Menteri berkata, harga barangan tidak wajar dinaikkan terlalu tinggi kerana ia bukan membabitkan kos import sepenuhnya, tetapi kos upah dan sewa tempatan yang tidak naik.

"Barangan ini (import) akan naik tetapi kenaikan itu tidaklah sama dengan peratus kejatuhan nilai mata wang. Elemen kos ketika menjual barangan ini bukan saja bahan yang diimport, tetapi kos tempatan yang tidak naik.

"Sebagai contoh, harga petroleum, gaji pekerja dan sewa tidak naik dan mengapa pula kita hendak naik mengikut kejatuhan nilai ringgit," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak mahu peniaga mengambil peluang daripada kegawatan ekonomi sekarang untuk mencari keuntungan berlebihan dengan menaikkan harga sesuka hati.

"Sebenarnya mereka (peniaga) akan rugi apabila harga barang naik kerana mereka juga akan membeli barangan lain yang akan turut naik dan keadaan ini akan menyebabkan inflasi," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun menolak dakwaan kononnya peniaga tidak menerima nasihat kerajaan supaya jangan menaikkan harga barang.

Mengenai harga rumah kos rendah, Dr Mahathir berkata, kerajaan belum memutuskan kenaikannya berikutan reaksi orang ramai seolah-olah harganya tidak boleh dinaikkan.

"Kita ingin berbuat demikian (menaikkan harga) tetapi reaksi melalui akhbar seolah-olah tidak boleh dinaikkan selama-lamanya.

"Kita tidak beri kenaikan kerana orang ramai protes dan keputusan itu menyebabkan pemaju kini kurang membina rumah jenis berkenaan," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir menyarankan pemaju mewujudkan pusat urusan setempat bagi memudahkan pembeli menyelesaikan urusan pembelian rumah.

Menurut beliau, langkah itu penting bagi mengelak pembeli terpaksa menunggu terlalu lama dan pemaju pula boleh menyiapkan projek lebih cepat untuk mengelak kenaikan kos.

(END)